

TAHAP KEPUASAN ORGANISASI TERHADAP PENCAPAIAN KOMPETENSI DALAM KALANGAN GURU PELATIH KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MELAKA (KUIM)

The Level of Organizational Satisfaction with The Achievement of Competencies Among Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM) Trainee Teachers

Nor Syazwanie binti Mohamad Zamal*, Nur Hazwani Binti Abdul Wahi, Nik Nur Syazwani
Binti Ibrahim, Nurdiyana Binti Tasripin, Siti Hamira Binti Md Ngajib

Jabatan Pendidikan, Fakulti Bahasa dan Pendidikan, Kolej Universiti Islam Melaka, KM 25,
78200 Kuala Sungai Baru, Melaka, MALAYSIA

norsyazwanie@kuim.edu.my*

*Corresponding Author

Received: 28 May 2021; Accepted: 14 May 2022; Published: 28 June 2022

To cite this article (APA): Mohamad Zamal, N. S., Abdul Wahi, N. H., Ibrahim, N. N. S., Tasripin, N., & Md Ngajib, S. H. (2022). Tahap kepuasan organisasi terhadap pencapaian kompetensi dalam kalangan guru pelatih Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM). *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan, 11(1)*, 13-23. <https://doi.org/10.37134/jpak.vol11.1.2.2022>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/jpak.vol11.1.2.2022>

ABSTRAK

Kajian ini merupakan satu kajian tinjauan yang dilakukan bagi mendapatkan maklum balas berkaitan “Tahap kepuasan organisasi terhadap pencapaian kompetensi dalam kalangan guru pelatih Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM)”. Kajian dijalankan untuk pengkaji mendapat maklumbalas daripada organisasi tempat latihan praktikum guru pelatih KUIM sama ada adakah mereka menepati keperluan dan kehendak sistem pendidikan negara. Kajian ini melibatkan seramai 91 orang guru pembimbing di tempat pelajar semester enam KUIM menjalani latihan praktikum mereka yang melibatkan tadika-tadika kerajaan dan swasta di sekitar Melaka, Johor, Negeri Sembilan, Selangor dan Kuala Lumpur. Kaedah kajian ini dikendalikan secara kaedah kuantitatif melalui penggunaan borang soal selidik. Dapatan kajian telah dianalisis menggunakan ‘*Statistical Package for the Social Science*’ (SPSS) versi 23.0. Hasil dapatan bagi objektif kajian pertama, dirumuskan pelatih KUIM mempunyai tahap yang tinggi dalam kesediaan untuk menjalani latihan praktikum dengan kemahiran yang ada iaitu sebanyak purata ($\text{min}=2.80$, $\text{sp}=0.43$). Manakala bagi objektif kedua, menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara tahap organisasi dengan pencapaian kompetensi guru pelatih dengan nilai $\text{sig}=0.00$ iaitu kurang daripada 0.05. Nilai $r = 0.778$, nilai $p = 0.000 < 0.05$. Kesimpulannya, kajian menunjukkan guru pelatih mempunyai kesediaan dan kemahiran yang tinggi semasa menjalani latihan mengajar (KUIM).

Kata kunci: guru pelatih, organisasi, pencapaian, kompetensi, praktikum

ABSTRACT

This is a survey study conducted to obtain feedback related to "The level of organizational satisfaction with the achievement of competencies among trainee teachers of the Malacca Islamic University College (MIUC)". The study was conducted for the researcher to get feedback from the organization where the practicum training of KUIM trainee teachers whether they meet the needs and requirements of the national education system. This study allows the researchers to know the trainee teachers issued by MIUC meet the needs and requirements of the national education system or not. This study involved 91 respondents consisting of trainer teachers for the trainee

teachers of semester 6, DECE (MIUC) that involved government and private kindergartens around Melaka, Johor, Negeri Sembilan, Selangor and Kuala Lumpur. The method of this study was conducted quantitatively through the use of questionnaires. The findings of the study were analysed using 'Statistical Package for the Social Science' (SPSS) version 23.0. The findings for the objective of the first study, concluded that KUIM trainee have a high level of readiness to undergo practicum training with existing skills that is an average of (mean = 2.80, $sp = 0.43$). As for the second objective, it showed that has significant relationship between the level of organization with the achievement of trainee teacher competencies with a value $sig=0.00$ with is less than 0.05. value $r=0.778$, value $p = 0.000 < 0.05$. In conclusion, the study showed that trainee teachers have high readiness and skills during teaching training (KUIM).

Keywords: *trainee teachers, organization, achievement, competence, practicum*

PENGENALAN

Kesedaran masyarakat tentang kepentingan pendidikan awal terhadap kanak-kanak, apabila kerjaya sebagai pendidik awal kanak-kanak tidak lagi dipandang mudah dan telah dilihat sebagai suatu kerjaya yang memerlukan pendidik berkualiti tinggi (Samuelsson & Park, 2017; Toropova, *et. al.*, 2021). Kompetensi dikatakan sebagai elemen utama untuk menilai pencapaian dan kualiti pendidik awal kanak-kanak, (Abdulwahed & Ismail, 2019; Alamri, 2018; Ebrahim, 2017; Zaini & Mansor, 2019). Kompetensi merupakan pengetahuan, kemahiran dan tingkah laku yang perlu dimiliki oleh seseorang individu bagi menjalankan tugas secara efisien dan profesional, (Afalla & Fabelico, 2020; Chatila, *et. al.*, 2019; Munawaroh, 2020). Manakala kompetensi guru pula adalah gabungan keperibadian, pengetahuan, kemahiran, tingkah laku yang membentuk kecekapan dalam profesion perguruan. Kompetensi guru akan mendorong seseorang individu menjadi pendidik yang berpengetahuan, bersedia, berintegriti dan lebih profesional dalam menjalankan tanggungjawab sebagai seorang pendidik, (Abdulwahed & Ismail, 2019; Afalla & Fabelico, 2020; Munawaroh, 2020).

Tahap kompetensi yang rendah dalam kalangan guru akan mengakibatkan tanggungjawab tidak dilaksanakan dengan baik, terutamanya dalam mendidik kanak-kanak kecil (Ebrahim, 2017). Hal ini boleh dilihat dengan pelbagai isu yang sering terjadi dalam kalangan kanak-kanak dan pendidik awal kanak-kanak. Malah terdapat kanak-kanak yang di dera di tempat jagaan atau di taska serta tadika. Keadaan ini semestinya akan memberikan impak yang buruk terhadap pertumbuhan perkembangan kanak-kanak, (Klaeijssen, *et. al.*, 2018; Samuelsson & Park, 2017; Zaini & Mansor, 2019). Individu dengan modal insan kelas pertama tidak dapat dihasilkan ekoran peristiwa hitam yang berlaku. Oleh itu sangat penting bagi mengetahui tahap kompetensi seseorang guru untuk mendidik pelajar terutamanya kanak-kanak. Perkara ini boleh dinilai melalui peringkat latihan mengajar bagi memastikan individu atau pendidik yang dihasilkan oleh institusi adalah berkualiti dan kompeten untuk menjalankan tugas sebagai seorang pendidik kelak, (Afalla & Fabelico, 2020; Chatila, *et. al.*, 2019; Lamsah & Chear, 2019; Munawaroh, 2020; Siti Sarah, *et. al.*, 2020; Zaitun, *et. al.*, 2017).

METODOLOGI

Reka bentuk kajian yang dipilih adalah berbentuk kajian kuantitatif dengan menggunakan kaedah tinjauan. Kajian ini telah menggunakan borang soal selidik yang dijana menggunakan perisian *Google Form* dan diedarkan melalui e-mel dan aplikasi *Whatsapp*. Instrumen kajian yang telah diedarkan kepada 91 orang guru pembimbing ditempat pelajar semester enam Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM) menjalankan latihan praktikum mereka. Oleh itu, objektif kajian ini adalah (i) mengenalpasti hubungan antara tahap kepuasan organisasi dengan pencapaian kompetensi guru pelatih dan (ii) menilai tahap kompetensi guru pelatih Diploma Pendidikan Awal Kanak-kanak (DPAKK).

Soal selidik ini terbahagi kepada dua komponen iaitu maklumat diri responden dan objektif kajian yang juga terdiri daripada tiga bahagian iaitu demografi, tahap kepuasan dan tahap kompetensi guru pelatih KUIM ini. Bahagian A adalah demografi iaitu latar belakang responden seperti umur, jantina, pengalaman mengajar dan bangsa. Bahagian B pula adalah respons responden mengkaji kompetensi guru pelatih KUIM, daripada aspek kesediaan dan kemahiran mereka semasa menjalani latihan industri di organisasi.

Analisis data terbahagi kepada tiga iaitu analisis deskriptif, analisis *min* dan analisis korelasi. Analisis deskriptif melihat kepada demografi responden seramai 91 orang tersebut. Analisis *min* pula dijalankan berdasarkan soalan skala *Likert* bagi menjawab objektif kajian dua yang terdiri daripada pilihan 1=Sangat tidak setuju, 2=Tidak setuju, 3=Tidak pasti, 4=Setuju, dan 5=Sangat setuju. Manakala analisis korelasi pula adalah untuk melihat hubungan di antara objektif kajian yang pertama.

DAPATAN KAJIAN

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji tahap kepuasan organisasi terhadap pencapaian kompetensi dalam kalangan guru pelatih Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM). Segala data maklumat yang diperolehi dalam kajian ini, adalah diperolehi melalui analisis borang soal selidik yang telah diedarkan kepada 91 orang guru pelatih KUIM. Perbincangan telah ditumpukan untuk menjawab objektif-objektif yang berikut:

1. Menenalpasti hubungan antara tahap kepuasan organisasi dengan pencapaian kompetensi guru pelatih.
2. Menilai tahap kompetensi guru pelatih Diploma Pendidikan Awal Kanak-kanak (DPAKK).

Komponen I: Maklumat diri responden

Komponen ini menjelaskan beberapa maklumat berkaitan responden secara deskriptif :


Umur

Kajian ini majoriti responden adalah berumur dari 31 hingga 40 tahun iaitu dengan kekerapan 43 orang (47.3%) diikuti responden yang berumur 21 hingga 30 tahun dengan kekerapan 27 orang (29.7%). Seterusnya seramai 17 orang responden (18.7%) adalah terdiri daripada yang berumur 41 hingga 50 tahun. Akhir sekali, responden yang berumur 50 tahun ke atas seramai

4 orang (4.4%) sahaja. Bilangan dan peratusan responden mengikut umur adalah seperti di dalam jadual 1.1 dan rajah 1.1

Umur	Kekerapan	Peratus (%)
21 hingga 30 tahun	27	29.7
31 hingga 40 tahun	43	47.3
41 hingga 50 tahun	17	18.7
50 tahun keatas	4	4.4

Jadual 1.1: bilangan reponden mengikut umur (N=91)



Rajah 1.1

Jantina


Berdasarkan dapatan kajian ini, terdapat hanya seorang responden lelaki (1.1%) dan selebihnya adalah responden perempuan iaitu seramai 90 orang (98.9%).

Pengalaman mengajar

Majoriti responden mempunyai pengalaman mengajar selama 6 hingga 10 tahun dengan kekerapan 41 orang (45.1%). Seterusnya, seramai 21 orang (32.1%) mempunyai pengalaman mengajar selama 11 hingga 15 tahun dan seramai 12 orang (13.2%) mempunyai pengalaman mengajar selama 1 hingga 5 tahun. Didapati juga, hanya terdapat 10 orang (11.0%) telah mengajar selama 16 hingga 20 tahun. Bagi responden yang mempunyai pengalaman mengajar selama 21 hingga 25 tahun hanya terdapat 5 orang (5.5%) dan akhir sekali, hanya seorang (1.1%) responden mewakili bagi pengalaman mengajar dari 26 hingga 30 tahun serta 30 tahun ke atas. Bilangan dan peratusan responden mengikut pengalaman mengajar adalah seperti didalam Jadual 1.2 dan Rajah 1.2

Pengalaman	Kekerapan	Peratus (%)
1 hingga 5 tahun	12	13.2
6 hingga 10 tahun	41	45.1
11 hingga 15 tahun	21	32.1
16 hingga 20 tahun	10	11.0
21 hingga 25 tahun	5	5.5
26 hingga 30 tahun	1	1.1
30 tahun ke atas	1	1.1

Jadual 1.2 : Bilangan responden mengikut pengalaman (N=91)




Rajah 1.2

Bangsa

Dalam kajian ini majoriti responden adalah melayu iaitu seramai 89 orang (97.8%). Manakala responden Cina dan lain-lain bangsa masing-masing hanya mempunyai 1 orang (1.1%) sahaja. Bilangan dan peratusan responden mengikut bangsa adalah seperti di dalam jadual 1.3 dan rajah 1.3

Bangsa	Kekerapan	Peratus (%)
Melayu	89	97.8
Cina	1	1.1
Lain-lain	1	1.1

Jadual 1.3: Bilangan responden mengikut bangsa (N=91)



Rajah 1.3

Komponen II : Objektif kajian

Komponen ini menjawab objektif-objektif kajian yang telah dijelaskan dengan mengkategorikan skor kepada tiga tahap iaitu tahap tinggi, tahap sederhana dan tahap rendah berdasarkan interpretasi skor min pada Jadual 1.4.

Skor min	Tahap	Interpretasi
1.00 – 2.33	Rendah	Kurang puas hati
2.34 – 3.66	Sederhana	Puas hati
3.67 – 5.00	Tinggi	Sangat puas hati

Jadual 1.4: Interpretasi skor min dan tahap kepuasan organisasi

(Sumber: Nor Syazwanie, et. al., 2017)

Dapatan objektif kajian (i): Mengenalpasti hubungan antara tahap kepuasan organisasi dengan pencapaian kompetensi guru pelatih.

Bahagian ini adalah untuk membincangkan hasil kajian berkaitan dengan hubungan antara tahap kepuasan organisasi dengan pencapaian kompetensi guru pelatih berdasarkan data yang telah dianalisis menggunakan SPSS 23.0.

Ujian korelasi pearson telah dilaksanakan untuk melihat sama ada terdapat hubungan antara tahap kepuasan organisasi dengan pencapaian kompetensi guru pelatih. Dapatan kajian menunjukkan ada hubungan yang signifikan antara tahap kepuasan organisasi dengan pencapaian kompetensi guru pelatih dengan nilai sig=0.00 iaitu kurang daripada 0.05. Nilai $r = 0.778$, nilai $p = 0.000 < 0.0$

Correlations

		KOMPETENSI	TAHAP KEPUASAN	
KOMPETENSI	Pearson	1	.778	
	Correlation			
	Sig. (2-tailed)			.000
	N			91
TAHAP KEPUASAN	Pearson	.778	1	
	Correlation			
	Sig. (2-tailed)			.000
	N			91

Jadual 1.5: Hubungan antara tahap kepuasan organisasi dengan pencapaian kompetensi guru pelatih.

Dapatan objektif kajian (ii): Mengenalpasti tahap kompetensi guru pelatih Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM).

Bahagian ini akan menerangkan mengenai tahap kompetensi guru pelatih Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM) berdasarkan aspek kesediaan dan kemahiran. Oleh itu, data yang diperolehi telah dianalisis mengikut aspek tersebut.

a) Aspek Kesediaan.

Berdasarkan jadual 1.6 secara keseluruhan hasil analisis data menunjukkan majoriti responden iaitu seramai 74 orang (81.3%) responden mempunyai tahap kesediaan yang tinggi. Manakala 16 orang (17.6%) responden pula berada di tahap sederhana dan hanya seorang (1.1%) responden yang mempunyai tahap kesediaan yang rendah. Secara keseluruhannya, tahap kesediaan guru pelatih adalah berada pada tahap yang tinggi dengan nilai (min=2.80, sp=0.43).

Skor min	Kekerapan	Peratusan	Tahap
1.00 – 2.33	1	1.1	Rendah
2.34 – 3.66	16	17.6	Sederhana
3.67 – 5.00	74	81.3	Tinggi

Jadual 1.6: Tahap kesediaan guru pelatih Diploma Pendidikan Awal Kanak-kanak (DPAKK).

b) Aspek kemahiran

Berdasarkan jadual 1.7 secara keseluruhan hasil analisis data menunjukkan majoriti responden iaitu seramai 77 orang (84.6%) responden mempunyai tahap kesediaan yang tinggi. Manakala 13 orang (14.3%) responden pula berada ditahap sederhana dan hanya seorang (1.1%) responden yang mempunyai tahap kesediaan yang rendah. Secara keseluruhannya, tahap kesediaan guru pelatih adalah berada pada tahap yang tinggi dengan nilai (min=2.83, sp=0.40)

Skor min	Kekerapan	Peratusan	Tahap
1.00 – 2.33	1	1.1	Rendah
2.34 – 3.66	13	14.3	Sederhana
3.67 – 5.00	77	84.6	Tinggi

Jadual 1.7: Tahap kemahiran guru pelatih Diploma Pendidikan Awal Kanak-kanak (DPAKK).

PERBINCANGAN DAN IMPLIKASI KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk melihat tahap kepuasan organisasi terhadap pencapaian kompetensi dalam kalangan guru pelatih Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM). Kajian ini mendapati lebih 90 peratus daripada responden perempuan dan kebanyakannya adalah mempunyai pengalaman mengajar enam hingga sepuluh tahun iaitu sebanyak 45.1 peratus. Sebanyak 97.8 peratus responden juga adalah berbangsa Melayu. Melalui data yang telah dianalisis mendapati bahawa respons organisasi terhadap pelatih adalah positif dengan majoritinya responden mempunyai tahap kepuasan yang tinggi terhadap pencapaian kompetensi terhadap guru pelatih. Dapatan kajian juga mendapati kedua-dua aspek yang dianalisis terhadap guru pelatih KUIM dalam menjalani sesi praktikumnya berada dalam tahap yang tinggi iaitu aspek kesediaan sebanyak 81.3 peratus dan aspek kemahiran iaitu sebanyak 84.6 peratus, (Alamri, 2018; Chatila et al., 2019; Nor Syazwanie et al., 2017).

Bagi penambahbaikan, pengkaji mencadangkan agar guru pelatih diberikan kursus-kursus yang berkaitan dengan ilmu tentang maklumat dan pengetahuan berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran (García & Weiss, 2019; Munawaroh, 2020; Zaitun et al., 2017). Selain itu, kajian ini memfokuskan kepada dua objektif sahaja. Dicapadkan kajian seterusnya boleh juga melihat daripada aspek cabaran guru pelatih dalam menjalani latihan praktikumnya. Kajian juga boleh diperluaskan skop kajian kepada respons guru pelatih terhadap pengalaman dan keperluan mereka untuk mengajar daripada beberapa institusi lain (Awang & Aziz, 2020; Ebrahim, 2017; Lamsah & Chear, 2019). Dengan itu, institusi di Malaysia akan melahirkan seorang guru yang terlatih dan mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang tinggi untuk mendapatkan pengalaman yang berharga untuk mendidik anak bangsa (Ebrahim, 2017; Nor Syazwanie et al., 2017; Nurudin, 2020).

Limitasi kajian ini juga adalah dari aspek responden yang terhad dan majoritinya adalah wanita. Kaedah tinjauan ini menggunakan soal selidik yang disebarikan secara atas talian dan mempunyai kekangan untuk mendapatkan responden yang ramai. Namun, kajian ini menyumbang kepada aspek tinjauan tahap kepuasan organisasi terhadap guru pelatih KUIM yang lebih terperinci, di samping memerhatikan aspek kesediaan dan kemahiran mereka di beberapa negeri di Malaysia. Kajian ini juga memberi kesedaran kepada guru pendidikan awal kanak-kanak tentang keperluan dalam meningkatkan pengetahuan berkaitan dengan pedagogi dan cara mengendalikan pengajaran dan pembelajaran (PdP) dengan baik. Kajian ini turut menekankan kepentingan guru pembimbing yang berkualiti dengan peranan memberi bimbingan dan dorongan kepada pelajar sewaktu menjalani praktikum.

KESIMPULAN

Sebagai rumusan, tahap kepuasan organisasi terhadap pencapaian kompetensi dalam kalangan guru pelatih Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM) dari aspek kesediaan dan kemahiran adalah tinggi. Ini adalah kerana organisasi melihat kepada pengetahuan berkaitan pengajaran dan pembelajaran (PdP) guru pelatih dari segi menguruskan masa, persediaan PdP dan juga fokus dalam bidang pendidikan ini. Selaras dengan perubahan gaya pendidikan masa kini, seorang guru perlu ada tahap kesediaan dan kemahiran untuk mengajar yang tinggi bagi mendapatkan pembelajaran dan pengajaran yang memberi kesan kepada pelajar. Secara keseluruhannya, dapatan ini telah mencapai objektif kajian dimana ia menunjukkan guru pelatih mempunyai kesediaan dan kemahiran yang tinggi semasa menjalani latihan mengajar (KUIM).

PENGHARGAAN

Jutaan terima kasih diucapkan kepada 91 orang guru pembimbing yang telah mengambil bahagian dalam kajian ini. Kajian ini juga adalah daripada Unit Penyelidikan, Perundingan dan Inovasi (UPPI), KUIM melalui Skim Geran Penyelidikan Tanpa Dana (GPTD), Kod Penyelidikan: GPTD/20/F1/42.

RUJUKAN

- Abdulwahed, S., & Ismail, A. (2019). *Exploring Pre- Service Teachers ' Perceptions of Their Pedagogical Preferences , Teaching Competence and Motivation*. 12(1), 493–510.
- Afalla, B. T., & Fabelico, F. L. (2020). Pre- Service Teachers ' Pedagogical Competence And Teaching Efficiency. *Journal of Critical Reviews*, 7(11), 223–228.
- Akosah-Twumasi, P., Emeto, T. I., Lindsay, D., Tsey, K., & Malau-Aduli, B. S. (2018). A Systematic Review of Factors That Influence Youths Career Choices—the Role of Culture. *Frontiers in Education*, 3(July).
- Alamri, H. R. H. (2018). *Challenges in Practicum: Views and Perceptions of EFL Pre-service Teachers towards Field Experience Skills in Real Classrooms*. 9(1), 146–162.
- Ali, A. H., Yusoff, A., Idris, M. R., & Zaki Razali, A. A. (2017). Kompetensi Guru Pelatih Di Sebuah Institut Pendidikan Guru Dalam Melaksanakan Latihan Mengajar. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 4(2), 39–55.
- Awang, M. I., & Aziz, N. H. A. (2020). *Strategi Pengajaran dan Pembelajaran*. UUM Press.
- Chatila, H., Ali, I. A., Naccache, H., & Raad, M. (2019). *Development of an Observation Grid to Evaluate Pre-service Teachers ' Competences during the Practice Teaching Sessions at the Lebanese University , Faculty of Education*. 8(8), 1629–1637.
- Ebrahim, A. (2017). *Challenges in Teaching Practice at the College of Education based on the Perceptions of Pre-Service Teachers : The Case for Kuwait University*.

- García, E., & Weiss, E. (2019, March 26). The teacher shortage is real , large and growing , and worse than we thought The first report in ‘ The Perfect Storm in the Teacher Labor Market ’ series. *Economic Policy Institute*.
- Klaeijnsen, A., Vermeulen, M., & Martens, R. (2018). Teachers’ Innovative Behaviour: The Importance of Basic Psychological Need Satisfaction, Intrinsic Motivation, and Occupational Self-Efficacy. *Scandinavian Journal of Educational Research*, 62(5), 769–782.
- Lamsah, S., & Chear, S. (2019). Strategi penerapan kemahiran abad ke-21 dalam latihan guru prasekolah. *Pendidikan Bestari*, 8(1), 1–10.
- Maikamba, M. A. (2020). *Fundamentals of Early Childhood Care and Primary Education: A Book of Reading List of Contributors* (Issue July). Diamond Graphics.
- Munawaroh. (2020). Kompetensi Menyusun Rencana Pelaksanaan Pembelajaran (RPP) melalui Bimbingan Berkelanjutan pada Guru Taman Kanak-kanak Masjid Agung Lampung Selatan. *Jurnal Ilmiah Kependidikan*, 13(1), 163–174.
- Nor Azah, A. A. (2019). Kelayakan, cabaran pengusaha TASKA, TADIKA. *Berita Harian*.
- Nor Syazwanie, M. Z., Mazeni, I., & Jameyah, S. (2017). *Persepsi Guru Pelatih Diploma Pendidikan Awal Kanak-Kanak Terhadap Penyeliaan Praktikum Oleh Guru Pembimbing Dan Pensyarah Penyelia*. 16–30.
- Norulhuda, S., Maisarah, A., & Ezarina, Z. (2017). Amalan Persekitaran Selamat Kanak-Kanak Dalam Kalangan Pengasuh Di Rumah Yang Tidak Berdaftar. *Journal of Social Science & Humanities*, 3(3).
- Nurudin, N. (2020). Pengaruh persepsi kompetensi guru dan persepsi komunikasi interpersonal guru terhadap prestasi belajar. *Prosiding Seminar Nasional Magister Psikologi ...*, 2, 46–57. <http://seminar.uad.ac.id/index.php/snmpuad/article/view/2998>
- Samuelsson, I. P., & Park, E. (2017). How to Educate Children for Sustainable Learning and for a Sustainable World. *International Journal of Early Childhood*, 49(3), 273–285.
- Siti Sarah, H., Kamariah, A. B., & Norasmah, O. (2020). Pembelajaran Awal Sains dan Kompetensi Sosioemosi Kanak-kanak Prasekolah: Satu Kajian Literatur Sistemik (Early Science Learning and Preschool Children’s Social and Emotional Competencies). *Akademika*, 90(3), 55–70.
- Toropova, A., Myrberg, E., Johansson, S., & Myrberg, E. (2021). Teacher job satisfaction : the importance of school working conditions and teacher characteristics conditions and teacher characteristics. *Educational Review*, 73(1), 71–97.
- Zaini, Z. H., & Mansor, M. (2019). Persepsi guru prasekolah kebangsaan terhadap program pembangunan profesional guru. *Southeast Asia Early Childhood Journal*, 8(1), 30–36.
- Zaitun, A., Jackie, M., Ghani, M. F. A., Elham, F., Pendidikan, F., Malaya, U., & Perniagaan, K. (2017). *Jurnal kepimpinan pendidikan* /. 72–95.